

tenaga buruh asing, agar dapat memartabatkan negara di persada dunia, dengan kuasa dan tenaganya sendiri, tanpa ancaman dan desakan dari luar.

“Industri farmaseutikal negara perlu dimartabatkan dengan memberi tumpuan kepada pengeluaran bahan farmaseutikal aktif dan ubatan daripada sumber asli tempatan di samping berupaya menjadi negara pengeluar ubatan halal.

“Langkah itu supaya ia tidak terlalu bergantung kepada pasaran luar yang diragui kesesuaiannya sehingga boleh mengancam kesihatan rakyat,” tambah beliau lagi.

Pada masa yang sama, beliau berkata, di bawah kluster sejarah, warisan dan sosio budaya, kerajaan hendaklah melaksanakan pembangunan secara menyeluruh di dalam rangka sejarah, warisan dan daya cipta sosio budaya termasuk yang berbentuk fizikal, biologikal, intelektual dan kerohanian serta meliputi pelbagai kaum dan budaya.

“Intipati pembangunan ialah bahawa seluruh proses tranformasi mestilah terkawal oleh satu sistem nilai budaya yang murni untuk mengelakkan pelbagai penyelewengan, bermoral tinggi untuk membela semua anggota masyarakat yang tidak berada dan menegakkan keseluruhan prinsip keadilan sosial yang merata,” katanya.

Selain itu, Dr Mohamed Mustafa berkata, untuk kluster pertanian dan makanan pula, negara perlu sentiasa bersedia menjamin sekuriti makanan melalui pembangunan baka unggul tanaman, ternakan dan perikanan, pengukuhan pemindahan dan penggunaan teknologi terbaik untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos pengeluaran, keterlibatan semua pengeluar termasuk petani, bagi menjamin kecukupan makanan yang selamat untuk rakyat.

Beliau juga berkata, kesemua resolusi yang dirumuskan itu akan turut diserahkan kepada setiap kementerian untuk diberi perhatian selanjutnya.

=====

DARIPADA:

SEKSYEN MEDIA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078

FAKS: 04-928 3016

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my